



## SIARAN MEDIA

### JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

#### MAJLIS PENANGGUHAN PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK) SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

1 OKTOBER 2022 (SABTU)

---

1 Oktober 2022, Serian: Majlis Penangguhan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Sarawak anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Sarawak Energy Berhad (SEB) dengan kerjasama JKKK Kampung Stabut, telah disempurnakan oleh En. Hazrel Izzat Bin Mohd Noor, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak pada hari ini di Kampung Stabut, Serian. Majlis ini turut dihadiri Pn. Shirin Jai Binti Abdul Rashid, General Manager (Corporate Security) Sarawak Energy Berhad (SEB), Ketua Kampung Stabut dan para penduduk Kampung Stabut.

Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) merupakan suatu program di bawah Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA) yang dirangka dengan strategi tindakan pencegahan pencemaran melalui pendekatan kawalan di punca yang dirasmikan di peringkat kebangsaan pada 27 Mac 2021. Sebanyak 4 siri program DSK bagi 2022 telah diadakan pada 19 Februari 2022, 18 Jun 2022, 6 Ogos 2022 dan 1 Oktober 2022.

Program ini bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun dengan tema "Alam Sekitar Tanggug jawab Bersama" untuk menarik minat dan kerjasama semua pihak bagi memastikan usaha-usaha perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar dapat digembangkan di setiap lapisan masyarakat.

Pada hari ini, Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara yang telah dijalankan sejak tahun 1989, melibatkan penangguhan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK). Program ini dirangka dengan strategi tindakan pencegahan pencemaran melalui pendekatan kawalan di punca penyelesaian secara *nature-based*. Melalui pemantauan kualiti air Sungai Serin yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, mendapati Sungai Serin dikategorikan di dalam Kelas II (Pengawasan pada 15 Jun 2022) iaitu dalam kategori Bersih dan Kelas I (Pengawasan pada 18 Ogos 2022) iaitu dalam kategori Bersih berdasarkan Indeks Kualiti Air

Program DSK diharap dapat mewujudkan perkongsian tanggungjawab (shared responsibility) di kalangan pelbagai pihak. Selain itu, Sungai Serin juga dilihat berpotensi tinggi untuk aktiviti yang berteraskan ekonomi seperti ekopelancongan sungai (river ecotourism) dan aktiviti berdasarkan alam (nature based activities) di kalangan komuniti setempat dan para pelancong.

**TAMAT**